

# S Jurnal K r i n Malaysia

Vol.1:2004

Fakulti Seni Persembahan



**Penerbitan Filem Dokumentari: Satu Tinjauan Terhadap Perkembangan Sejarah dan Teknologi**  
*Raja Ahmad Alauddin*

**Metaphors of "The Female" in Malay Movies**  
*Fuziah Kartini Hassan Basri & Faridah Ibrahim*

**Genre and Pleasure: The Case of Malay(sian) Romantic Comedy**  
*Norman Yusoff*

**Fundamentals of Screenwriting: The First Step**  
*Wan Aida Wan Yahaya*

**Penarek Becha: Paradigma dalam Sinema Melayu**  
*Ayu Haswida Abu Bakar*

**Penilaian Semula Status "Industri" Perfileman di Malaysia**  
*Md Rushdi Kubon Md Shariff & Aidi Rahimi Hj Ibrahim*

**Persoalan Ontologi dan Epistemologi dalam Teks Dokumentari**  
*Ibrahim Jamaluddin*

**KOMENTAR**  
**Industri Filem Kita: Permasalahan dan Masa Depan**  
*A Razak Mohaideen*

**CATATAN**  
**Media Elektronik di Malaysia: Suatu Catatan Sejarah Ringkas**  
*Mohd Nordin Abdul Rahman*

**RUANGAN KHAS**  
**Teks Puisi Sebagai Refleksi Imej Alam Melayu**  
*Abd Ghafar Ibrahim*



# Persoalan Ontologi dan Epistemologi dalam Teks Dokumentari

Ibrahim Jamaluddin

*Dokumentari yang seringkali bertanggungjawabewartakan realiti dan kebenaran dalam bentuk visual bergerak boleh dipersoalkan fungsi dan peranannya. Sejarah filem dunia juga telah menyaksikan banyak dokumentari yang telah 'dicabar' kewibawaannya kerana dikatakan pemaparan fakta menerusi visual dan teks kurang bertepatan. Ini kerana dokumentari juga boleh menyatakan pendirian dan membuka ruang kepada penonton untuk membuat penilaian dan pelbagai interpretasi. Esei ini cuba menghujahkan beberapa persoalan yang berkaitan dengan makna kebenaran, fakta dan realiti yang sering dikaitkan dengan dokumentari.*

*In feature films the director is God; in documentary films God is the director.*  
- Alfred Hitchcock (BrainyQuote.com, 2004)

"Dokumentari" merupakan perkataan yang dicipta oleh bapa dokumentari, John Grierson (Jack C. Ellis, 1989). Setelah manusia "penat" membaca penulisan dalam bentuk dokumen, dengan bermulanya era "gambar bergerak," manusia berkeinginan pula kepada dokumen visual. Berbeza dengan dokumen bertulis, dokumentari membawa beban (teks) tanggungjawab yang amat berat: sebagai "fakta," "benar," dan *real*. Visual dan komentar berserta dan bersilih-ganti mengupas idea yang baik secara terus mahupun mencari jawapan di sebalik abstrak. Pelbagai kemungkinan terhadap interpretasi diluahkan dan disimpulkan berdasarkan individu serta ruang lingkup kehidupan, membuatkan ungkapan realiti lepas dan bebas. Analisis yang dibuat tidaklah menjurus kepada mencari sesuatu jawapan yang sempurna terhadap makna "dokumentari," tetapi sekadar menghidupkan suasana perbincangan lalu membuka ruang baru selari dengan perubahan zaman.

## Definisi dan Pengertian

Disebabkan keupayaan manusia memiliki ilmu (untuk memanipulasi) dan membuka ruang perbincangan, sedaya-upaya pembikin filem merebut "ruang" mencari makna baru dokumentari sesuai dengan perubahan zaman. Di sini, penulis berpendapat bahawa makna dokumentari yang diberikan oleh John Grierson semenjak 1929 (Jack C. Ellis, 1989) iaitu "*creative treatment of actuality*" sebagai yang paling hampir kepada kebenaran fakta yang "dipikul" oleh dokumentari (Keperluan media untuk pembangunan manusia menyebabkan Grierson melahirkan dokumentari berlatarkan sosio-politik ketika itu. Itulah kebenaran yang diperjuangkan dalam dokumentarinya). Analisis ini beranjak dari sudut kepelbagaian tafsiran dan kekeliruan berkenaan dengan dokumentari yang seringkali dianggap sebagai wadah kebenaran. Dokumentari merupakan satu medium yangewartakan fakta dalam bentuk visual. Segala gaya dan cara pembikinannya juga berorientasikan kenyataan. Dengan sudut pandangan kamera yang mewakili penonton, *hand held*, penyuntingan yang bersahaja dan teknik pembikinan yang ringkas tetapi kandungan teks yang jitu meletakkan dokumentari dalam identiti yang tersendiri (Pendekatan yang digunakan dalam *Blair Witch Project* (1999) yang berjaya mengutip US\$300 juta di seluruh dunia berbanding modal US\$50 ribu. Ini

telah meletakkan dokumentari dalam keadaan serba salah). Trinh T.Minh-ha (1993) pernah menghujahkan bahawa “*the question of quality in accuracy and truth seems to depend largely on the weight or on the quantity of donation money.*” David Bordwell dan Kristin Thompson (2001) pula menyatakan:

*As a type of film, documentaries present themselves as factually trustworthy. Still, any one documentary may not prove reliable. Throughout film history, many documentaries have been challenged as inaccurate ... A documentary may take a stand, state audience an opinion, advocate a solution to a problem ... documentaries often use rhetorical form to persuade an audience. But, again, simply taking a stance does not turn the documentary into fiction. In order to persuade us, the filmmaker marshals evidence, and this evidence is put forth as being factual and reliable.*

Di sini, penghormatan patut diberikan kepada Robert J. Flaherty dengan hasil karyanya *Nanook of the North* (1922). Flaherty melalui karyanya, selain memberitahu, menghibur sambil membawa penonton mengembara menikmati satu pengalaman baru. Penonton tidak lagi perlu mengembara ke satu tempat sebaliknya visual membawa mereka ke destinasi yang sebelum ini mereka langsung tidak pernah terfikir. Sebelum itu, manusia tidak pernah termimpi untuk melihat kehidupan bermasyarakat di tempat lain. Kehidupan keluarga Eskimo, contohnya, yang tidak pernah terlintas di fikiran manusia dipaparkan di skrin. Dengan tujuan memberitahu, mendidik dan mencipta minat kepada sesuatu yang baru, inilah kepentingan yang diperjuangkan dalam dokumentari. Tetapi keadaan dunia kini sudah berubah bersama dengan kebolehan manusia berfikir berbanding dengan zaman lahirnya dokumentari. Kebenaran yang diperjuangkan semakin terhakis perlahan-lahan. Perubahan yang terjadi “memaksa” dokumentari muncul semula dengan makna dan pengertian baru dan berbagai-bagai sehingga makna dan fungsi sebenar dicabar oleh “identiti” dokumentari itu sendiri.

Berdasarkan perbincangan di atas, kebenaran yang diperjuangkan sudah menjadi subjektif. Pembikin filem mencari-cari akan kebenaran dan ada yang mencipta sendiri akan kebenaran itu. Dalam membuka ruang ilmu perbincangan kebenaran yang mewakili dokumentari, terdapat dua elemen penting yang menjadi faktor pelonjak (benar atau tidak) iaitu pembikin filem dan penonton. Tidak dinafikan, visual yang dipaparkan pula adalah fotografi yang menghasilkan imej realiti secara automatik, tanpa sebarang *subjectivity*. Akan tetapi, pembikin filem memberikan informasi dalam bentuk audio visual (dengan tujuan tertentu) manakala penonton menerima lalu mentafsir (Berdasarkan tahap keilmuan, kematangan, sosio-budaya, latar fizikal, kepercayaan individu setempat). Di sinilah titik tercetusnya kekeliruan dan perbezaan dalam mentafsir maklumat yang diterima (realiti dalam dokumentari mula tercabar). Stanley Cavell (1971) yang banyak menulis tentang persoalan ontologi dalam filem, berpendapat:

*The depth of the automatism of photography is to be read not alone in its mechanical production of an image of reality, but in its mechanical defeat of our presence to that reality.*

## **Pencarian Terhadap Kebenaran**

*Christian and Islam* (2003) terbitan SBS Australia menampakkan dengan jelas bagaimana “kebenaran” berbeza dengan “pengertian.” Selepas kejatuhan komunis (tentera merah) dunia dikatakan aman dengan ketiadaan “musuh” utama dunia. Seluruh dunia bergembira dengan tamatnya

kekuatan tentera merah. Semua mengharapkan corak dan suasana kehidupan yang lebih membahagiakan. Tetapi sudah menjadi lumrah manusia ingin memenuhi rasa sebagai seorang manusia. Manusia perlukan “antagonis” sebagai pelengkap kejadian manusia sepenuhnya. Dengan menggunakan media, dokumentari menjadi senjata paling berkesan untuk mencipta musuh baru: Islam (Ini merupakan pandangan penulis berdasarkan kepercayaan terhadap Islam sepenuhnya). Dokumentari yang sepatutnya bertindak sebagai pembawa kebenaran sebaliknya mencipta kebencian terhadap agama dan umat Islam. Maklumat yang diberikan menunjukkan Islam sungguh kejam dengan membunuh kesemua tahanan perang; dengan penuh sedar menuduh pula Salehuddin Al-ayubi sebagai seorang panglima tentera Islam yang tidak berperikemanusiaan. Di sini wujudnya perselisihan faham dalam tafsiran setelah pembikin filem memberikan teksnya.

Ada dua kelompok penonton di sini: penonton di kalangan umat Islam dan juga di kalangan penganut Kristian. Kemungkinan orang yang beragama Kristian percaya terhadap fakta ini memandangkan identiti dokumentari itu sendiri sebagai “pembawa kebenaran” (kebenaran berdasarkan kepercayaan terhadap agama Kristian sepenuhnya). Sudah tentu akan tercetus kebencian yang amat sangat terhadap Islam dalam keadaan Islam diserang dari semua arah ketika ini. Jelas, “kebenaran” yang dibawa oleh dokumentari boleh menambahkan kekusutan kepada hubungan di kalangan penganut dua agama besar ini. Bagaimanakah pula dengan reaksi penonton di kalangan umat Islam sendiri apabila panglima yang mereka sanjungi dituduh sedemikian rupa? Kebenaran fakta dalam sejarah Islam amat bertentangan dengan fakta yang dibawa dalam Kristian dan Islam. Sejarah yang kita kenali sesuai dengan perintah Al-Quran menyuruh menghormati tawanan perang, wanita, kanak-kanak dan golongan tua itulah yang diamalkan oleh Salehuddin Al-Ayubi. Justeru itu, di manakah letaknya kebenaran? Untuk mematahkan fakta yang dibawa dalam *Christian and Islam*, Robert Gardner dalam *Islam: The Empire of Faith* membenarkan fakta seperti mana yang tercatat dalam sejarah dunia Islam dengan bersumberkan ahli ilmunan dari kedua-dua belah pihak iaitu Islam dan bukan Islam. Ahli ilmunan dari kedua-dua belah pihak mengesahkan bahawa Salehuddin Al-Ayubi (lebih dikenali sebagai Saladin di kalangan ilmunan Barat) melarang Islam membunuh umat Kristian dan memusnahkan harta benda orang Kristian. Persoalannya, manakah sebetulnya yang dikatakan dokumentari sebagai “pembawa kebenaran”? Adakah penganut Kristian menerima fakta yang dibawa oleh Robert Gardner atau fakta di dalam *Christian and Islam*? Adakah umat Islam akan melatah dan menuduh Kristian dan Barat cuba mencetuskan kebencian kepada umat Islam? Adakah pembikin filem *Christian and Islam* dengan sengaja mendorong kebencian atau cuba mencetuskan idea kepada penganut Islam dan Kristian untuk mencari perbezaan, lalu mencari jalan penyelesaian. Jadi, yang mana satu dijadikan pilihan untuk menentukan kebenaran. Ryan and Wentworth (1998) yang menulis berkenaan media dan masyarakat, menjelaskan:

*It has been suggested that events covered in the mass media are perceived by the public as being the most important. Thus, even though the media may not be able to directly change opinions, they do set the public agenda.*

## **Fakta atau Propaganda?**

Seterusnya kebenaran, fakta dan kesahihan tidaklah selalu menjadi dasar dokumentari. Imej yang dikumpul mengandungi berbagai-bagai interpretasi dan lebih memburukkan keadaan jika niat negatif menjadi tujuannya. Linebarger dan Anthony (1954) menulis bahawa:

*Propaganda consists of the planned use of any form of public or mass-produced communication designed to affect the minds and emotions of a given group for a specific purpose, whether military, economic, or political.*

Jika propaganda menjadi keutamaan, maka hilanglah asas utama dalam dokumentari. Dengan maknanya sendiri sudah menampakkan kepalsuan, sengaja mengarah penonton untuk menerima maksud abstrak secara total. Dalam “peraturan” seni, apa saja yang berkaitan dengan manipulasi adalah salah. Tetapi inilah kenyataan hari ini. Pembikin filem menterjemah imej yang sudah disimpulkan seterusnya kesimpulan itu “memaksa” penonton menjadi pasif. Ini dengan jelas memperlihatkan tiada tanggungjawab sosial; motifnya hanyalah menyekat lalu membentuk pemikiran penonton untuk kepentingan golongan tertentu dan mesej yang disampaikan mengarah penonton berfikir dan bertindak berdasarkan maksud yang sudah ditentukan. *Nuremberg Rally (1933)* oleh Leni Riefenstahl adalah pelopor kepada kepelbagaian makna dokumentari (bertentangan dengan kebenaran dalam dokumentari). Karyanya telah membuka era baru dengan kejayaannya mencabar identiti dokumentari. Visual tentera Jerman disokong oleh kepelbagaian sudut kamera, teknik penyuntingan yang hebat pada zamannya berjaya menjadi sumber inspirasi kepada seluruh rakyat Jerman semasa perang dunia ke-2. Di sini kebenaran terbahagi kepada dua, iaitu di kalangan Jerman dan penonton bukan Jerman. Hasilnya, kita semua mengetahui bahawa Jerman berjaya menguasai hampir separuh Eropah. Kebenaran yang dibawa adalah untuk kebangkitan rakyat Jerman yang berbangga dengan prinsip mereka. Bagi penonton yang bukan dari kalangan rakyat Jerman, ini adalah satu bentuk propaganda; satu bentuk teks yang tujuannya mempengaruhi rakyat Jerman untuk mempercayai akan prinsip dan dogma Nazisme. Akibatnya, negara yang diserang Jerman menanggung penderitaan; penderitaan yang akan tercatat buat selama-lamanya. Justeru itu, dari perspektif manakah kebenaran itu dilihat?

## **Percanggahan Fakta**

*Kurt and Courtney (1998)* oleh Nick Broomfield, yang berkisarkan kisah misteri kematian Kurt Cobain penyanyi kumpulan Nirvana, meletakkan tanggungjawab sepenuhnya kepada penonton untuk mengungkap kebenaran. Broomfield dengan sengaja meletakkan fakta bertentangan antara satu sama lain. Di satu pihak, fakta yang menyokong bahawa Kurt mati dibunuh bukannya bunuh diri. Broomfield dengan fakta yang ada cuba mengheret Courtney (isteri Kurt) sebagai suspek utama. Broomfield menimbulkan kesangsian terhadap siasatan polis berhubung penetapan bahawa Kurt membunuh diri. Bagaimanakah fakta yang menunjukkan Kurt mampu mengangkat shot gun kemudian menembak kepalanya sendiri dalam keadaan badannya mengandungi heroine melebihi jumlah kemampuan badan untuk menerimanya boleh dilihat sebagai sesuatu yang logik? Ini sudah tentu dapat mengajak penonton untuk melihat makna yang tersirat. Broomfield pergi lebih jauh dengan menemuramah kenalan rapat Kurt dan semuanya memberikan reputasi yang baik padanya. Selain itu, ditokok tambah dengan visual Courtney yang ceria, tidak menampakkan kesedihan atas kematian suaminya, El Duce yang mengaku diupah sebanyak 50 ribu dari Courtney jika sanggup membunuh Kurt. Ini ditepatkan lagi dengan kematian El Duce sebulan selepas pengakuannya dan bapanya yang memang percaya bahawa anak perempuannya sanggup melakukan apa saja untuk mendapat apa yang dihajati, lalu mengaku bahawa Courtney adalah penggerak utama dalam kes kematian suaminya. Dalam maksud lain, Courtney (isterinya) adalah pembunuh kerana menyedari harta yang akan dimilikinya setelah kematian Kurt. Fakta ini cukup membuktikan bahawa Courtney adalah pembunuh sebenar. Tetapi setelah segala fakta itu diberikan, di penghujung karyanya, Broomfield mencadangkan bahawa Kurt sememangnya membunuh diri. Pengakuan dari rakan

karibnya yang percaya dia membunuh diri kerana tekanan setelah menjadi popular, ketepatan siasatan penyiasat persendirian yang diisytiharkan mufliis dan kenyataan yang Courtney melarikan diri dari wartawan hanya kerana ingin menyembunyikan kesedihannya, membuatkan jawapan kepada kebenaran menjadi punca kematian Kurt tergantung. Jadi, di manakah kebenarannya?

Dalam manusia sering mencari makna di sebalik abstrak, ada segelintir pembikin filem yang masih memikul tanggungjawab memberitahu dan mendidik dalam dokumentasi visualnya. Dengan menterjemahkan kehidupan haiwan dan alam semulajadi, dokumentari seperti ini memberi maklumat secara terus, jujur dan tepat. Kenapa? Flora dan fauna tidak berkongsi ruang hidup yang sama dengan manusia. Manusia adalah ciptaan terunggul oleh Pencipta. Dengan kebolehan melihat, mencetuskan pemikiran, analisis, abstrak dan sebagainya, manusia menentukan hala tuju (pilihan). Kebolehan memilih itulah yang menjadikan manusia itu *superior*. Fungsi otak bagi binatang berbeza berbanding manusia menyebabkan ruang yang diisi sebagai elemen kehidupan di dunia adalah terhad di mana binatang hanya bertindak melalui intuisi. Dengan keupayaan yang ada manusia boleh berlakon (manipulasi) manakala ini tidak dapat dilakukan oleh haiwan. Jika diletakkan kamera pada satu sudut, lalu dibiarkan merakam pergerakan manusia secara spontan (seperti manusia merakam pergerakan haiwan), unsur ketepatan fakta tetap boleh dipertikaikan kerana kemungkinan lakon semula atau sememangnya berlakon tetap wujud.

Kebeneran dalam dokumentari mencabar makna kebenaran itu sendiri. Kebeneran yang difahami telah bertukar menjadi “kebenaran” kepada sesetengah pihak. Tidak ketinggalan teknik dalam pembikinan filem juga dipersoalkan kebenaran kerana teknik tersebut tidak menjadikan sesuatu yang dirakam berimejkan kebenaran. Apatah lagi kebenaran yang dibawa oleh dokumentari amat bergantung pada sumber kewangan yang disalurkan (dari mana? dan kenapa?). Tidak ketinggalan juga faktor hubungan antara pembikin filem dan subjek. Perubahan dunia tidak melepaskan manusia dari turut berubah dalam berbagai-bagai sudut lalu membuka makna dokumentari untuk mencari identiti sendiri. Malah, tidaklah keterlaluan jika dikatakan “benar,” “fakta,” “nyata,” “sahih,” dan *real* hanyalah tidak lebih dari proses analisis fikiran sebagai tindakbalas dari teks dalam dokumentari. Dengan ini, wujud pula persoalan lain: siapa yang menentukan “benar,” “nyata,” *real* dan apa sahaja yang melambangkan identiti dokumentari?

## Rujukan

- Bordwell, D., & Thompson, K. (2001). *Film Art: An Introduction*. New York: McGraw-Hill.
- BrainyQuote. (2004). <http://www.brainyquote.com/quotes/quotes/a/alfredhitc132853.html>
- Cavell, S. (1971). *The World Viewed: Reflections on the Ontology of Film*. New York: The Viking Press.
- Ellis, J.C. (1989). *The Documentary Idea: A Critical History of English-Language Documentary Film and Video*. New Jersey: Prentice Hall.
- Linebarger, P.M.A. (1954). *Psychological Warfare*. Washington: Combat Forces Press.
- Ryan, J., & Wentworth, W. M. (1998). *Media and Society: The Production of Culture in the Mass Media*. Boston: Allyn and Bacon.

Trinh T. Minh-ha. (1993). *The Totalizing Quest of Meaning*. Michael Renov (ed.) *Theorizing Documentary*. New York: Routledge.

---

IBRAHIM JAMALUDDIN teaches film production and documentary at the Screen Department, Faculty of Performing Arts, UiTM, Shah Alam.